

Pembentukan Spiritual menurut Islam sebagai Solusi dalam Menangani Permasalahan Sosial

Spiritual Development according to Islam as a Solution in Dealing with Social Problems

Suriani Sudi¹, Fariza Md Sham², Phayilah Yama³

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
01 NOVEMBER 2018	25 NOVEMBER 2018	31 DECEMBER 2018

ABSTRAK

Penekanan terhadap aspek spiritual perlu diutamakan memandangkan spiritual merupakan sebahagian daripada komponen kejadian manusia. Terdapat beberapa kajian yang membuktikan bahawa permasalahan sosial yang berlaku kini adalah bermula dengan permasalahan spiritual yang wujud dalam diri itu sendiri. Maka untuk menangani permasalahan tersebut juga adalah bermula dari spiritual seseorang. Justeru, suatu pengkajian yang menentukan elemen spiritual berdasarkan kepada al-Quran dan hadis perlu diterokai. Kajian ini mengupas spiritual yang merujuk kepada Islam dengan menggunakan kaedah analisis secara tematik iaitu dengan mengenal pasti al-Quran dan hadis yang berkaitan dengan spiritual. Kajian mendapati spiritual merupakan perkara asas dalam pembentukan diri seseorang. Elemen iman, takwa dan takutkan balasan akhirat sebagai elemen spiritual yang mampu menjadi penyelesaian terhadap masalah akhlak dan moral ketika ini. Implikasinya adalah keperluan kepada menanam iman, takwa dan percaya kepada akhirat untuk melahirkan individu yang soleh dan berperibadi mulia.

Kata kunci: masalah sosial; spiritual; al-Quran; hadis.

ABSTRACT

The spiritual development must be prioritized as spirituality is a core element of a human being. Few researchers have proved that social problems are related to its spiritual conditions. Hence the solution lies in strengthening the spirituality in the human itself. Therefore a research that studies the spiritual elements based on Al Quran and Al hadith is deemed necessary. This research utilize thematic analysis on verses from the Qur'an and al hadeeth that discussed spirituality. Researches show that spirituality is the core element in a human being. Faith, conscios and cognizant of God (taqwa) and fear of punishment in the hereafter are the essential aspects of islamic spirituality that are able to solve prevalent moral issues. This implicates the need to grow strong faith, conscios and cognizant of God, and belief in the hereafter in order to raise a personality with good moral values.

Kerywords: social problems; spiritual; al-Quran; hadis.

¹ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

² Pusat Strategik UKM

³ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Pendahuluan

Masalah gejala sosial semakin hari semakin meningkat. Senario ini menggambarkan krisis moral yang dihadapi umat Islam semakin membimbangkan. Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan untuk menangani masalah ini, namun fenomena keruntuhan akhlak ini tetap menjadi isu yang hangat dalam laporan akhbar, internet dan sebagainya. Merujuk kepada tinjauan awal mendapati, permasalahan sosial yang melanda ummah kini kemungkinan kesan langsung dari pengabaian terhadap pembangunan aspek dalaman insan atau spiritual.

Terdapat beberapa kajian yang cuba menghubungkan antara gejala keruntuhan akhlak dan moral ini dengan kelemahan aspek spiritual seseorang. Contohnya, kajian Norazwa Binti Yeop Kamarudin (2013) yang mengkaji sejauhmana pengaruh kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual ke atas pembentukan salah laku remaja serta melihat perkaitan antara kedua-dua kecerdasan tersebut. Kajiannya mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan spiritual dengan salah laku remaja. Dapatan kajian Norazwa ini memberi input kepada pihak yang berkait rapat dengan remaja supaya memberi penekanan terhadap elemen kecerdasan spiritual bagi mengurangi penglibatan remaja dalam salah laku.

Azizi Yahya (2010) yang turut menjalankan kajian berkaitan Permasalahan Sosial di Kalangan Remaja, telah menyenaraikan beberapa penyelesaian terhadap permasalahan keruntuhan akhlak yang berlaku antaranya; iman yang mendalam, akhlak yang terpuji, takwa, berkasih sayang, pergaulan dan hidup bersama secara baik dan diredhai Allah SWT, amanah dan bertanggungjawab. Semua ini adalah berkait rapat dengan elemen-elemen kecerdasan spiritual seseorang.

Begitu juga kajian yang dilakukan Fariza Md Sham (2015) berkaitan keperluan pendidikan spiritual untuk remaja yang telah hamil diluar nikah. Modul pendidikan spiritual yang dilaksanakan oleh Sekolah Harapan Melaka, Majlis Agama Islam Melaka mendapati ianya berkesan dalam pemulihan jiwa dan akhlak remaja agar tidak mengulangi kesilapan masa lalu.

Selain itu, terdapat juga kajian yang mencadangkan model pembangunan kecerdasan spiritual ataupun kerohanian sebagai solusi dalam menangani gejala sosial masa kini. Norfadilah binti Abdul Rahman dan Zakaria Stapa (2013) telah mengemukakan model pembangunan kerohanian berasaskan kepada pandangan al-Muhasibi iaitu Abu Abd Allah Harith al-Muhasibi (w.243H) yang merupakan seorang tokoh sufi. Kajian beliau telah menyimpulkan bahawa konsep pembangunan rohani insan al-Muhasibi adalah bertunjangkan ketakwaan kepada Allah dan berpaksikan beberapa metode pendidikan kejiwaan seperti *muhasabat al-nafs*, *riyadah* dan mujahadah kepada Allah SWT. Di samping melatih jiwa dengan aspek-aspek positif diri insan seperti *khawf* dan *raja'*, mengingat kematian dan mengenal kebaikan dan keburukan dan muraqabah. Model ini didapati sesuai untuk dijadikan antara solusi dalam menghadapi kemelut keruntuhan akhlak pada masa kini.

Merujuk kepada kajian di atas jelas menunjukkan kepentingan elemen spiritual daripada perspektif Islam dalam usaha pembentukan diri seseorang. Ia juga menunjukkan bahawa spiritual mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan tingkah laku dan sikap seseorang. Dalam perspektif Islam, hati diungkap sebagai *al-qalb* (Fariza 2015). *Al-Qalb* perlu kepada *tazkiyah al-nafs* sebagai satu proses penyucian jiwa untuk mencapai kecerdasan spiritual yang tinggi. Malah lebih dari itu, spiritual yang cerdas akan membuatkan seseorang itu menguasai kemampuan dan kekuatan dirinya ke tahap yang tertinggi, mempunyai peribadi

yang seimbang malah mampu berhadapan ujian dan cabaran hidup serta mempunyai arah tuju kehidupan yang jelas.

Maka di dalam kertas kerja ini, penulis akan membenteng kecerdasan spiritual menurut Islam yang penulis teroka menerusi al-Quran, hadis-hadis Rasulullah SAW dan pandangan sarjana Islam. Kajian ini merupakan sebagai satu penemuan terkini dan boleh dijadikan panduan dan rujukan oleh pengkaji hari ini khususnya para pengkaji psikologi Muslim dalam mendepani isu-isu keruntuhan akhlak dewasa ini.

Metodologi kajian

Penulis telah menjalankan kajian kualitatif secara analisa kandungan dengan menggunakan kaedah tematik. Di dalam kajian ini, penulis mengenal pasti ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis yang mempunyai kaitan dengan spiritual kemudian penulis letakkan pandangan sarjana Islam sebagai sokongan terhadap hujah yang penulis bawakan.

Spiritual Menurut Islam

Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) menyatakan spiritual adalah sesuatu yang bersifat rohani atau jiwa yakni bukan yang bersifat fizikal. Perkataan spirit juga disebut sebagai rohani dalam Kamus Webster (1963). Perkataan spirit jika merujuk kamus *al-Mawrid*, ia bermaksud *ruh* di dalam bahasa Arab (Munir 1994). Para sarjana menggunakan perkataan spiritual dalam pelbagai istilah. Antaranya *al-qalb*, *al-nafs*, *al-'aql* dan rohaniah.

Al-Ghazali (1998) menjelaskan bahawa elemen yang membentuk spiritual seseorang adalah *al-qalb* (hati), *al-ruh* (roh), *al-nafs* (jiwa) dan *al-'aql* (akal). Komponen spiritual atau *al-nafs* menurutnya terdapat tiga tahap. Tahap yang paling rendah ialah *al-nafs al-ammarah*. *al-Nafs al-ammarah* bermaksud jiwa yang penuh dengan kemarahan, pemberotakan dan kerosakan. Tahap jiwa pertengahan ialah *al-nafs al-lawwamah* iaitu jiwa yang penuh dengan penyesalan. Pada satu ketika mereka beriman dan pada satu saat mereka melanggar perintah Allah SWT tetapi mereka sedar dan merasa menyesal serta bertaubat kepada Allah SWT. Manakala tahap jiwa yang paling tinggi ialah *al-nafs al-mutma'innah*, iaitu jiwa yang tenang. Menurut al-Ghazali lagi, jiwa manusia harus ditransformasikan menuju kesempurnaan iaitu bermula dari yang bersifat *al-nafs al-ammarah* hinggalah kepada peringkat hati yang tenang lagi suci bersih yang dinamakan sebagai *al-nafs al-mutmainnah* (Fariza, 2015).

Dalam konteks Islam, spiritual atau kerohanian mempunyai hubungan langsung dengan Allah SWT. Al-Quran dengan jelas menegaskan tentang roh sebagai salah satu urusan Tuhan yang tidak didedahkan kepada pengetahuan manusia melainkan hanya sedikit sahaja. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: Roh itu dari perkara urusan Tuhanku dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja.
(al-Isra'(17): 85)

Allah telah menjelaskan bahawa roh dan jiwa adalah antara tanda kekuasaanNya sepertiimana bulan, bintang, laut dan tumbuhan. Dan Allah SWT meminta agar roh dan jiwa

yang berada di antara lambung dan yang berada di dalam jasad ini diperhatikan dan diperhalusi.

Kepentingan Spiritual

Spiritual itu adalah sangat penting kepada setiap muslim. Pertamanya kerana Allah SWT telah mengaitkan pembangunan, perkembangan dan jatuh bangunnya seseorang malah sesebuah masyarakat dengan hati dan spiritual mereka. Perkara ini jelas di dalam ayatNya yang bermaksud;

Sesungguhnya Allah SWT tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. (al-Ra'd (13): 11)

Maka untuk melakukan perubahan dalam diri haruslah bermula dari hati dan spiritualnya. Begitu juga dalam berhadapan dengan krisis moral dan keruntuhan akhlak. Spiritual adalah titik pertama yang perlu disentuh untuk memperbaiki akhlaknya. Al-Ghazali telah membahaskan dan sentiasa menegaskan bahawa untuk membangunkan diri dan jiwa, asasnya adalah pembersihan jiwa. Beliau sentiasa menekankan keseimbangan rohani dan jasmani dan tidak memberatkan mana-mana antara kedua-duanya namun beliau lebih menekankan aspek spiritual atau dalaman (Yatimah & Mohd Tajuddin 2008).

Spiritual, hati, jiwa dan dalaman manusia merupakan tempat Allah SWT memandang dan menilai manusia sebagaimana Nabi SAW telah jelaskan di dalam hadisnya:

Allah tidak melihat kepada rupa dan harta-harta kamu akan tetapi Dia melihat kepada hati-hati dan amal-amal kamu (Muslim. *Sahih Muslim*. Kitab al-Birr wa al-Silah wa al-Adab. Bab Tahrim Zulm Muslim. No 2564)

Tidak akan terlepas seseorang dari siksaan melainkan mereka yang mempunyai hati yang bersih, suci dan sejahtera dari sebarang kecacatan dan kerosakan yang memberi kesan terhadap tingkah laku dan perlakuan. Kerana itulah spiritual dan rohani seseorang mesti bersih dan suci. Firman Allah SWT di bawah jelas menyatakan hati yang sejahtera menjadi penyelamat di hari akhirat kelak. Firman Allah SWT bermaksud:

Hari yang padanya harta benda dan anak-pinak tidak dapat memberikan pertolongan sesuatu apapun, kecuali orang-orang yang datang mengadap Allah SWT dengan hati yang selamat sejahtera (dari syirik dan penyakit munafik) (Al-Syu'ara'(26): 88-89).

Maka kerana itulah baginda SAW sangat menekankan kepada penjagaan spiritual dan menegaskan bahawa baiknya seseorang itu bermula dengan baiknya spiritual yang berada di dalam iaitu *al-qalb*. Perkara ini jelas dalam sabda baginda SAW;

Dan ketahuilah bahawa dalam setiap tubuh ada segumpal darah yang apabila baik maka baiklah tubuh tersebut dan apabila rosak maka rosaklah tubuh tersebut. Ketahuilah bahawa ia adalah hati (al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. Kitab Iman. Bab Fadl Man Istabra'a li Dinihi. No hadis 52).

Kerana itu, menurut al-Nawawi (1989), hati berfungsi sebagai pembentuk kehidupan seseorang. Ia berperanan dalam usaha menggerak, memberhenti atau memperelokkan perbuatannya. Beliau menjelaskan lagi bahawa hati yang baik adalah hati yang sentiasa ingat akan kebesaran Allah SWT, mematuhi perintahnya, menjauhi larangannya serta perkara syubhat kerana takut terjatuh kepada yang haram. Jelas dari hadis ini bahawa nabi menegaskan bahawa baiknya seseorang itu bermula dengan baiknya *al-nafs* yang berada di dalam diri manusia iaitu *al-qalb*. Nabi SAW juga menekankan betapa perlunya seseorang itu menjaga serta memelihara hatinya yang merupakan sebahagian dari aspek spiritualnya untuk mendapatkan peribadi yang baik dan cemerlang.

Baginda Rasulullah SAW seterusnya menegaskan bahawa kekayaan hati adalah kekayaan yang sebenar. Kekayaan yang membuatkan hati lebih tenang adalah hati yang kaya dengan sifat-sifat mahmudah, hati yang sentiasa memikirkan Allah dan akhirat. Hati yang kaya ini lebih baik dari kekayaan harta. Kekayaan harta tanpa kekayaan hati adalah kekayaan yang kosong. Kekayaan yang hanya bersifat sementara. Kekayaan hati adalah kekayaan yang sebenar dan yang memberikan kebahagiaan abadi.

Bukanlah kekayaan itu kerana banyaknya harta, akan tetapi kekayaan itu adalah kaya hati (al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. Kitab. Kitab al-Riqaq. Bab al-Ghina Ghina al-Nafs. No hadith 6446).

Elemen Pembentukan Spiritual Menurut Al-Quran Dan Hadis

Penulis menemui tiga perkara penting yang boleh membentuk spiritual seseorang iaitu iman, takwa dan rasa takut kepada balasan akhirat.

a. Iman

Perkara pertama yang perlu ditekankan dalam pembentukan spiritual seseorang adalah iman. Iman kepada Allah SWT adalah iktikad dan kepercayaan yang kuat bahawa Allah adalah Tuhan seluruh alam seterusnya mengEsakan dan mentauhidkan Allah SWT dalam ibadah sembahyang, puasa, doa, pengharapan, rasa takut dan ketundukan adalah satu bentuk iman kepada Allah. Hanya Dia yang berhak disembah dan disifatkan dengan sifat yang sempurna dan suci dari sebarang kelemahan. (Muhammad Nuaym Yasin t.th). Maka, iman merupakan asas spiritual seseorang. Baik dan buruk peribadi serta akhlak adalah bertitik tolak dari imannya kerana seorang yang beriman punya rasa takut dan tunduk kepada Allah SWT.

Tempat untuk iman adalah di dalam hati atau spiritual seseorang. Kerana iman itu sendiri bermaksud apa yang bertempat di dalam hati, yang dibenarkan oleh lisan dan yang diamalkan oleh anggota badan (Muhammad Nuaym Yasin t.th). Allah juga menjelaskan hal ini di dalam ayatNya yang bermaksud;

Orang-orang Arab berkata: Kami telah beriman. Katakanlah (Wahai Muhammad): Kamu belum beriman, (janganlah berkata demikian), tetapi iman belum lagi meresap masuk ke dalam hati kamu katakanlah sahaja: Kami telah Islam. (al-Hujurat (49): 14)

Al-Qurtubi (2006) menyatakan bahawa ayat ini khas ditujukan untuk sebahagian bangsa Arab. Sebahagian mereka mengaku beriman kepada Allah SWT akan tetapi hakikatnya mereka hanya Islam pada luaran sahaja sedangkan hati mereka belum betul-betul menerima iman. Kiranya hati dipenuhi iman maka perbuatannya juga pasti berlandaskan iman dan begitulah sebaliknya. Hati yang tenang adalah hati yang tenteram, lembut dan berlandaskan apa yang disuruh syariat. Hati inilah tempat lahirnya keperibadian manusia. Sekiranya hati tidak dijaga dengan baik, ia akan ditimpa penyakit dan menyebabkan lahirnya tindakan-tindakan yang tidak sepatutnya manakala hati orang yang beriman akan sentiasa tenang dan tenteram (Izuddin 2002). Demikian firman Allah SWT di dalam al-Quran:

(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah". ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia.
(Surah Ar-Ra'd (13):28)

Oleh kerana itulah, spiritual dan jiwa-jiwa orang Arab jahiliyah merupakan perkara pertama yang mahu diubah oleh al-Quran. Untuk itu, ayat-ayat al-Quran yang turun ketika fasa dakwah Rasulullah SAW di Mekah adalah bermatlamatkan kepada pengukuhan spiritual yang berteraskan akidah dan tauhid kepada Allah SWT. Akidah tauhid merupakan langkah pertama untuk perubahan dalam diri manusia yang akhirnya melahirkan kekuatan spiritual yang hebat yang bukan setakat mengubah dirinya sendiri malah mampu mengubah manusia, kehidupan dan alam seluruhnya (Najati 1992). Hatinya akan dipenuhi rasa cinta, kasih dan sayang kepada Allah, Rasul dan manusia di sekelilingnya malah manusia seluruhnya seterusnya membangkitkan rasa tenang damai dan tenteram.

Dalam rukun Iman, asas utama akidah yang dibina adalah kepercayaan hati kepada Allah SWT. Suntikan iman ini merupakan perkara terpenting di mana ia membezakan seorang yang beriman daripada yang munafik dan seterusnya membuatkan seorang Islam benar-benar tunduk dan taat pada perintah dan larangan Allah SWT. Untuk mendapatkan keimanan perlu melalui proses pembelajaran atau mendalami ilmu agama (*tafaqquh fi al-din*) sehingga akhirnya mereka menambah iman kepada Allah SWT dan menjauhi maksiat. Secara tidak langsung, akidah umat akan menjadi kuat, tidak mudah diseleweng dan mempunyai peribadi yang mantap. Demikian juga menurut Za'ba (2005), pengukuhan iman dan akidah bukan suatu yang diwarisi atau diperoleh semata-mata melalui keturunan, doa orang lain atau syafaat ulama tertentu. Pengukuhan akidah dan kemantapan peribadi muslim hakikatnya akan didapati melalui usaha sendiri menerusi ilmu pengetahuan dan pemahaman kepada al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW. Iman mesti diusahakan dan disertai dengan keyakinan dan pembenaran yang bersungguh-sungguh dalam hati dan dibuktikan pula dengan amalan yang berterusan sehingga boleh menghasilkan akhlak dan peribadi yang kuat, baik dan sempurna.

Rukun iman ini kemudiannya dijalin dengan tuntutan rukun Islam yang merupakan praktik daripada kepercayaan hati tadi (Jasni 2016). Hasil gabung-jalin ini menjadikan seorang Islam memiliki akidah dan amal soleh yang mana ia merupakan asas penting yang membentuk keperibadian seseorang insan Muslim (Nasih 'Ulwan 1996).

b. Takwa

Perkara kedua yang perlu ditekankan adalah takwa. Ibn Rajab (2004) menjelaskan bahawa asal maksud takwa adalah seorang hamba melindungi dirinya dari sesuatu yang ditakutinya. Maka takwa kepada Allah SWT bermaksud seorang hamba melindungi dirinya dari apa yang ditakuti dari Rabbnya iaitu kemarahanNya, kemurkaanNya dan balasanNya. Takwa itu juga

bermaksud sentiasa merasa takut dan sentiasa berjaga-jaga dalam melalui duri dan ranjau kehidupan iaitu duri yang berbentuk syubhat, syahwat dan pengharapan yang menipu. Maka takwa biasanya diguna pakai untuk maksud menjauhi perkara yang haram (al-Hilali 1997) sebagaimana takwa menurut Ibn al-'Uthaimin (1426H) juga adalah menjaga dan memelihara diri dari terkena azab Allah SWT. Untuk itu, takwa amat penting dalam diri seseorang untuk menghalangnya dari melakukan sebarang perbuatan yang tidak bermoral dan maksiat. Dengan kata lain juga, untuk mengubah diri seseorang kepada individu yang lebih baik, hendaklah ditanam takwa ke dalam hatinya. Allah SWT menjelaskan bahawa hati sebagai tempat terletaknya takwa. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Demikianlah (ajaran Allah SWT) dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah SWT maka dia lah orang yang bertakwa kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat takwa hati (*al-qalb*) orang mukmin. (al-Hajj (22): 32)

Al-Baydawi (2015) menyatakan bahawa dinyatakan *al-qalb* di dalam ayat ini kerana hati adalah tempat tercetusnya takwa. Di sandarkan *al-qalb* sebagai tempat takwa dan iman adalah sepertimana juga yang dijelaskan oleh baginda SAW.

Takwa itu di sini (seraya nabi menunjukkan ke adanya) (Muslim. *Sahih Muslim*. Kitab al-Birr wa al-Silah wa al-Adab, Bab Tahrim Zulm Muslim. No Hadis 6706).

Hadis yang berikut juga menegaskan bahawa takwa terletak di hati:

Ibnu Abu Syaibah berkata, Rasulullah SAW mengutuskan kami dalam suatu pasukan. Suatu pagi kami sampai di al-Huruqat, yakni suatu tempat di daerah Juhainah. Kemudian aku berjumpa seorang lelaki, lelaki tersebut lalu mengucapkan لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ (Tidak ada tuhan yang berhak disembah selain Allah SWT), namun aku tetap menikamnya. Lalu aku merasa ada sesuatu dalam diriku kerana hal tersebut, sehingga aku ceritakan kejadian tersebut kepada Rasulullah SAW. Rasulullah SAW lalu bertanya: Kenapa kamu membunuh orang yang telah mengucapkan لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ? Aku menjawab, Wahai Rasulullah SAW! Sesungguhnya lelaki itu mengucap demikian kerana takutkan ayunan pedang. Rasulullah SAW bertanya lagi: Sudahkah kamu membelah dadanya sehingga kamu tahu dia benar-benar mengucapkan kalimah syahadah atau tidak? (Muslim. *Sahih Muslim*. Kitab al- Iman. Bab Tahrim Qatlu al-Kafir Ba'da 'an Qala La ilaha illa Allah. No hadis 158).

Para ulama telah menjelaskan beberapa kaedah dan cara untuk mendapatkan takwa. Antaranya Ibn Taymiyah (t.th) menjelaskan: "Takwa adalah kamu melakukan ketaatan dengan cahaya Allah SWT untuk mengharapkan rahmatNya, dan meninggalkan kemaksiatan dengan cahayaNya kerana takut azabNya". Adapun menurut al-Asfahani (t.th) takwa itu akan didapati apabila seseorang menjaga diri dari perkara yang mendatangkan dosa dan meninggalkan larangan Allah SWT, bahkan meninggalkan sebahagian yang dibolehkan dan diharuskan untuk menghindari kemungkinan melakukan yang diharamkan". Sementara Sayid Qutb (2004) ketika menafsirkan firman Allah SWT dalam surat al-Hasyr ayat 18, menyebut bahawa takwa adalah keadaan di dalam hati yang membuat hati menjadi hidup, peka, merasakan kehadiran Allah SWT dalam setiap waktu, merasa takut, berat dan malu dilihat Allah SWT melakukan yang dibenciNya.

Berdasarkan pandangan-pandangan ulama tersebut, jelas bahawa takwa mengandungi erti takut untuk melakukan maksiat dan takut akan kemurkaan Allah SWT, rasa malu pada Allah SWT dan sentiasa taat kepadaNya. Maka di dalamnya terkandung *khauf* dan *raja*. *Khauf* bererti takut iaitu takut akan azabNya manakala *raja* pula mengharap akan rahmatNya. Dengan ertikata lain juga, untuk mendapatkan takwa, hendaklah selalu melatih diri dan berusaha mendapatkannya. Hendaklah sentiasa berusaha mendekati Allah SWT iaitu dengan memperbanyak amal ibadah dan berbuat kebajikan. Sepertimana disebutkan di dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman bertakwalah kepada Allah dan carilah jalan yang mendekatkan diri kepadaNya, dan berjihadlah pada jalanNya, supaya kamu mendapat keberuntungan (al-Ma'idah (5): 35)

c. Rasa Takut Pada Balasan Akhirat

Adapun perkara ketiga yang perlu dititikberatkan adalah menanam rasa takut pada balasan akhirat. Kisah-kisah dan peristiwa berkaitan hari kiamat yang diceritakan di dalam hadis-hadis adalah sangat menakutkan. Antara hadis-hadis tersebut adalah;

Dari Abdullah berkata: Rasulullah SAW bersabda: Pada hari itu neraka jahanam didatangkan, ia mempunyai tujuh puluh ribu tali kekang, setiap tali kekang terdapat tujuh puluh ribu malaikat yang akan menyeretnya. (Muslim. *Sahih Muslim*. Kitab al-Jannah wa Sifati Na'imih wa Ahliha. Bab fi Syiddah Harr Nar Jahannam. No hadis 2842)

Ibn al-'Uthaymin (1426H) menjelaskan bahawa hadis tersebut menggambarkan tentang kedahsyatan neraka. Jumlah tali kekang dan malaikat yang banyak menggambarkan kedahsyatannya dan semua ini menimbulkan rasa takut pada hari akhirat. Perasaan takut ini seterusnya akan melahirkan rasa takut untuk melanggar perintah Allah SWT, takut untuk melakukan perbuatan keji dan maksiat dan takut untuk melanggar suruhan dan perintah Allah SWT. Hadis yang berikut juga memperingatkan akan kedahsyatan hari kiamat. Azab yang disangkakan paling berat hakikatnya adalah azab yang paling ringan di dalam neraka (Ibn al-'Uthaymin 1426H).

Telah menceritakan kepada kami Syu'bah mengatakan, aku pernah mendengar Abu Ishaq mengatakan, aku mendengar Nu'man, aku mendengar Nabi SAW bersabda: Penghuni neraka yang paling ringan siksaanya adalah, seseorang yang kedua telapak kakinya dipakaikan sandal, kemudian otaknya mendidih (al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. Kitab al-Riqaq. Bab Sifah al-Jannah wa al-Nar. No hadis 6561)

Jelaslah bahawa al-Quran dan hadis sangat menekankan pembicaraan tentang spiritual. Ayat-ayat al-Quran dan hadis di atas menunjukkan bahawa spiritual diletakkan sebagai unsur penting dalam pembentukan peribadi seseorang dan seorang muslim itu dituntut untuk meletakkan spiritualnya pada tahap yang sentiasa ingat Allah, sedar dengan alam sekeliling dan teguh bila diuji. Kerana itulah al-Ghazali (1998) menjelaskan bahawa jasad luaran adalah pengikut, khadam dan alat yang digunakan oleh hati sepertimana raja menggunakan rakyatnya dan penjaga menggunakan orang yang dijaga.

Rumusan dan Implikasi Kajian

Hasil kajian merumuskan bahawa Islam sangat menitikberatkan spiritual atau kerohanian. Malah spiritual merupakan perkara penting untuk membangunkan peribadi dan tingkah laku seseorang dan penekanan terhadap elemen spiritual adalah sangat perlu bagi mengurangi penglibatan masyarakat dalam salah laku sosial dan kegiatan tidak bermoral. Kajian juga mendapati, pembentukan spiritual yang dibangunkan perlulah berasaskan kepada tiga elemen utama iaitu pembentukan iman, takwa dan kesedaran akan balasan pada hari akhirat. Ketiga-tiga elemen ini sekiranya dipasakkan ke dalam diri seseorang akan menahannya dari melakukan perbuatan keji, mungkar dan maksiat seterusnya mendorongnya untuk sentiasa melakukan kebaikan dan perbuatan terpuji. Ketiga-tiga elemen yang ditemui dalam kajian ini memberi implikasi kepada keperluan kepada menanam iman, takwa dan percaya kepada akhirat untuk melahirkan individu yang soleh dan berperibadi mulia.

Rujukan

- `Abd Allah Nasih `Ulwan. 1996. *Muhadarah Takwin al-Syakhsiyyah al-Insaniyyah fi Nazar al-Islam*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Asfahani, Abu al-Qasim al-Husain bin Muhammad. t.th. *Al-Mufradat fi Gharib al-Quran*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Azizi Yahya. 2010. *Permasalahan Sosial di Kalangan Remaja: Satu Cabaran*. Permasalahan Sosial di kalangan Remaja: Satu Cabaran. UTM: Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository. <http://eprints.utm.my/10444/>
- Al-Baydawi, Nasir al-Din Abu Sa'id 'Abd. Allah bin 'Umar. t.th. *Tafsir Al-Baydawi Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Bukhari, Abu Abdullah Muhammad b. Ismail b. Ibrahim al-Mughirah. 1992. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Fariza Md Sham, Salasiah Hanin Hamjah, Mohd Jurairi Sharifudin. 2015. *Personaliti Menurut al-Ghazali*. Bangi: Penerbit UKM.
- Fariza Md Sham, Jawiah Dakir, Siti Rugayah Hj Tibek, Noor Aziah Mohd Awal, Salasiah Hanin Hamjah, Adawiyah Ismail & Siti Maheran Ismail. *Spiritual Education for Out-of-Wedlock Pregnant Adolescents*. 2015. *Turkish Online Journal of Educational Technology (TOJET)*. Vol.2.2146.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1998. *Ihya' Ulum al-Din*. Jil 3. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Al-Hilali, Abu Usamah Salim bin 'Ayd. 1997. *Bahjah al-Nazirin Syarh Riyad al-Salihin*. Riyadh: Dar Ibn Jawzi.
- Ibn Rajab Al-Hanbali Zainuddin Abd. al-Rahman bin Ahmad bin Rajab. 2004. *Jami' 'Ulum wa al-Hikam*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Ibn Taymiyah, Taqiyuddin Abu al-'Abbas. 1986. *Minhaj al-Sunnah al-Nabawiyah*. Saudi Arabia: Jami'ah al-Imam Muhammad bin Sa'ud al-Islamiyah.

- Ibn al-Uthaymin Muhammad bin Saleh bin Muhammad. 1426H. *Syarah Riyad al-Salihin*. Riyadh: Dar al-Watan
- Izuddin Taufiq. 2002. *Al-Ta'sil Al-Islami li al-Dirasaat al-Nafsiyah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Jasni bin Sulong. 2016. Pemeliharaan akidah Islam: Analisis daripada sudut penguatkuasaan undang-undang dan fatwa di Pulau Pinang. *Afkar*. 18 (2016): 1-34
- Muhammad Nu'aym Yasin. t.th. *Al-Iman, Arkanuhu, Haqiqatuhu wa Nawaqiduhu*. Iskandariyah: Dar 'Umar al-Khattab.
- Muhammad Uthman Najati. 1992. *al-Hadith al-Nabawi wa 'Ilm al-Nafs*. Beirut, Lubnan: Dar al-Shuruq.
- Munir Ba'albaki. 1994. *Al-Mawrid*. Beirut: Dar al-'Ilm lil Malayin.
- Muslim, Abu al-Husin Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairiy al-Naysaburi. 1955. *Sahih Muslim*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Al-Najati Muhammad Uthman. 1992. *al-Hadith al-Nabawi wa 'Ilm al-Nafs*. Cetakan ke-5. Beirut, Lubnan: Dar al-Shuruq.
- Al-Nawawi. Muhy al-Din Abu Zakariyya Yahya Sharif. 1989. *Hadis empat Puluh*. Terj. Mustafa Abdul Rahman. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Norazwa Binti Yeop Kamarudin. 2013. *Pengaruh Kecerdasan Emosi Dan Kecerdasan Spiritual Ke Atas Salah Laku Remaja Sekolah*. Tesis Sarjana. UTM: Fakulti Pendidikan.
- Norfadilah binti Abdul Rahman & Zakaria Bin Stapa. 2014. *Pembangunan Kerohanian Berasaskan Al-Muhasibi Dalam Menangani Gejala Sosialmasa Kini*. WCIK E-JOURNAL OF INTEGRATION KNOWLEDGE 2013 (E-ISSN: 2289-5973) Vol 2, 2014. <http://worldconferences.net/>. 45-65
- Al-Qurtubi Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. 2006. *Tafsir al-Qurtubi al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Sayyid Qutb. 2004. *Fi Zilal al-Quran*. Kaherah: Dar al- Syuruq.
- Yatimah & Mohd Tajuddin. 2008. *Teori Kaunseling Al-Ghazali*. Selangor: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Za'aba, Zainal Abidin Ahmad. 2005. *Perangai Bergantung Pada Diri Sendiri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 2010. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1999. *Webster's World Encyclopedia*. New York: Webster Publishing Pty Ltd. Ed. Millennium.